

Topik 12: Ilustrasi Tempat Kudus Rancangan Tuhan

Lebih dari tiga ribu tahun yang lalu, sebelum Allah memimpin orang Ibrani keluar dari tanah Mesir, orang Ibrani itu telah kehilangan pengetahuan tentang Allah kerana mereka berada di bawah perhambaan Mesir berabad-abad lamanya. Disebabkan nenek moyang mereka takut dihukum, mereka sanggup melakukan apa sahaja yang diminta oleh pemerintah Mesir

Jadi ini bermaksud mereka tidak bebas untuk menjalankan ibadah mereka pada hari Sabtu (Sabbath). Mereka yang berani menentang arahan pemerintah akan membahayakan nyawa mereka. Bagi mereka yang masih lagi mahu bersandar pada Allah yang Hidup pada waktu itu, mereka memerlukan iman yang kuat dan hanya sedikit daripada mereka yang masih setia kepada Allah.

Sekurang-kurangnya ada satu pasangan yang berpegang teguh dengan iman mereka pada waktu itu. Mereka adalah ibu bapa Musa. Mereka membahayakan nyawa mereka dengan membenarkan anak mereka hidup. Pada waktu itu, Firaun telah mengeluarkan perintah untuk membunuh semua bayi lelaki dan semua bayi itu haruslah dihanyutkan ke dalam sungai Nil sebagai makanan bagi buaya. Akan tetapi pasangan yang takut akan Allah ini berusaha untuk menyembunyikan bayi mereka.

Karena iman maka Musa, setelah ia lahir, disembunyikan selama tiga bulan oleh orang tuanya, karena mereka melihat, bahwa anak itu elok rupanya dan mereka tidak takut akan perintah raja. (Ibrani 11:23)

Apabila Musa sudah menjadi dewasa, dia menolak untuk dipanggil sebagai cucu Firaun. Sebaliknya, dia dengan berani keluar meninggalkan Mesir dan hidup berpindah randah selama 40 tahun.

Apabila Allah memanggil dia untuk kembali ke Mesir dan melepaskan orang Ibrani, pada awalnya Musa enggan untuk mematuhi. Allah menerima mereka yang enggan mematuhi arahnya tetapi kemudiannya menyesali perbuatan mereka lalu mengikut Allah daripada mereka yang langsung tidak mengikut arahan-Nya sama sekali.

Apabila orang Ibrani berada di padang gurun selama 40 tahun, Allah memberikan mereka suatu ilustrasi yang sangat mengagumkan iaitu pelan untuk menyelamatkan manusia dari dosa. Seluruh Alkitab menyatakan tentang pelan indah itu. Tetapi dalam siri ini, kita hanya akan melihat sebahagian daripadanya.

Ilustrasi itu mengambil bentuk bangunan. Ia adalah sebuah khemah besar dengan mempunyai dua bilik. Sekitar khemah itu ada sebuah halaman yang ditutup dengan pagar linen tinggi, dengan satu gerbang yang menghadap ke arah timur.

Orang Ibrani diarahkan untuk melakukan banyak jenis perkhidmatan di sini yang merupakan simbol dari perbagai kebenaran dan aspek rancangan Allah. Tetapi terdapat dua ritual yang, nampaknya, lebih penting daripada yang lain.

Pertama, setiap pagi dan malam, seekor domba akan dikorban. Ritual ini menjadi suatu kebiasaan bagi orang Yahudi sehingga mereka tidak tahu maksud ritual ini. Sebenarnya erti ritual ini adalah setiap pagi dan petang kita harus berdoa dan meminta ampun dosa kita kepada Allah.

Dan lebih daripada itu, ia menunjukkan bahawa kita memerlukan mangsa korban untuk mengambil tempat kita, untuk dihukum kerana dosa-dosa kita. Sudah tentu, darah lembu jantan dan kambing tidak dapat menghapus dosa, tetapi perkara-perkara itu menunjuk ke arah rancangan Tuhan untuk membawa 'Īsā [Yesus] ke bumi. Inilah yang dikatakan oleh pemazmur:

Engkau tidak berkenan kepada korban sembelihan dan korban sajian, tetapi Engkau telah membuka telingaku; korban bakaran dan korban penghapus dosa tidak Engkau tuntutan. Lalu aku berkata: "Sungguh, aku datang; dalam gulungan kitab ada tertulis tentang aku; aku suka melakukan kehendak-Mu, ya Allahku; Taurat-Mu ada dalam dadaku (Mazmur 40:6-8)

Dalam erti kata lain, Tuhan tidak gembira apabila Dia melihat korban yang dikorbankan untuk meminta ampun atas dosa- dosa. Akan tetapi perkara itu harus dilakukan sebagai tanda bahawa suatu hari nanti Tuhan akan memberikan Anak- Nya, Yesus Kristus, untuk menjadi korban. Korban yang tidak bercela dan sempurna.

Kita semua seperti domba yang tersesat, setiap orang mengambil jalan mereka sendiri. Akan tetapi, TUHAN telah meletakkan semua beban dosa kita ke atas- Nya. (Yesaya 53:6)

Itu merupakan salah satu daripada dua upacara yang penting. Upacara ini dilakukan setiap hari. Ada banyak lagi yang dapat kita pelajari. Setiap hari imam yang bekerja untuk menolong upacara korban itu pergi ke bilik pertama di dalam khemah suci itu.

Ini adalah yang pertama dari dua perkhidmatan penting ini. Ia berlaku setiap hari. Dan ada banyak lagi yang boleh kita pelajari. Setiap hari imam yang membantu pengorbanan pergi ke tempat pertama dari dua ruangan tempat kudus itu.

Dengan melakukan upacara ini, ia melambangkan bahawa Yesus akan melakukan perkara yang sama dalam 2000 tahun yang seterusnya selepas kematian-Nya. Dia tidak hanya duduk tanpa berbuat apa-apa di syurga. Sebaliknya, dia bekerja sebagai Imam Besar di syurga. Dalam pelajaran kita yang seterusnya, kita akan mempelajari tulisan nabi yang menyatakan tentang pekerjaan Yesus di syurga sekarang. Tetapi, sekarang persoalannya, apakah upacara yang penting yang satu lagi?

Upacara ini berlaku hanya sekali dalam setahun. Itu merupakan hari yang istimewa untuk pembersihan dan hari itu adalah hari yang sangat serius dari hari biasa. Pada waktu itu, semua orang meluangkan masa untuk memikirkan semua dosa yang mereka perbuat sebelum ini. Setiap orang haruslah menyelidiki hidup mereka sendiri dan melihat jika ada sesuatu yang harus mereka perbaiki supaya mereka boleh bertaubat.

Hanya pada hari istimewa itu, Imam Besar akan masuk ke dalam bilik yang kedua di dalam khemah suci itu. Bilik itu dipanggil bilik maha suci. Apakah yang dilakukannya di dalam ruangan bilik itu? Upacara itu melambangkan penghakiman sama seperti apa yang kita telah pelajari sebelum ini.

Terdapat batu yang mencatatkan sepuluh hukum di ruangan bilik itu. Batu itu diletakkan ke dalam meja yang bersalut dengan emas dan di atas permukaan meja emas itu ada “tempat duduk rahmat.” Ada dua malaikat yang menghadap antara satu sama lain sambil memandang ke arah bawah. Ini melambangkan bahawa malaikat itu sangat berminat untuk mengetahui penghakiman yang berlaku di syurga.

Penghakiman itu melibatkan buku yang Daniel lihat terbuka. Dalam penghakiman itu, dosa manusia akan dipadam dari buku itu apabila dia dianggap benar dan berhak menerima kehidupan kekal. Dalam kes yang lain, ada nama manusia yang dipadam dari buku kehidupan. Apabila proses itu berakhir, buku kehidupan itu hanya mencatatkan nama mereka yang tidak lagi mempunyai dosa.

Jadi Allah bukan hanya membersihkan hati manusia, tetapi buku kehidupan yang terdapat di dalam khemah suci juga akan turut dibersihkan. Disebabkan itulah hari itu dipanggil “pembersihan khemah suci.”

Dalam siri yang seterusnya, kita akan lihat apakah yang dimaksudkan oleh para rasul mengenai pekerjaan penghakiman yang istimewa, dan kita akan melihat bagaimanakah ia berkaitan dengan kehidupan orang Melayu sekarang.